

**Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif**

**PENGURUSAN ACARA KESENIAN DAN KEBUDAYAAN DI  
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA,  
SELANGOR**

**Nik Saiful Ameyrul Bin Nik Hanapi**

**52867**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian**

**(WA59 - Pengurusan Seni)**

**2018**

**PENGURUSAN ACARA KESENIAN DAN KEBUDAYAAN DI JABATAN  
KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA , SELANGOR**

NIK SAIFUL AMEYRUL BIN NIK HANAPI

Kajian ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda

Seni Gunaan Dan Kreatif Dengan Kepujian

(Program Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN**

JUDUL: PENGURUSAN ACARA KESENIAN DAN KEBUDAYAAN DI JABATAN  
KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA, SELANGOR

**SESI PENGAJIAN :2017/2018**


Saya : NIK SAIFUL AMEYRUL BIN NIK HANAPI

Mengaku membenarkan tesis/laporan\* ini di simpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :


1. Tesis/Laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. \*sila tandakan( / )

- SULIT (mengandungi maklumat yang berdjajah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
- TERHAD (mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)
- TIDAK TERHAD

Disahkan

  
Tandatangan Penulis

Tarikh : 30/5/2018

  
TandatanganPenyelia

Tarikh : 30/5/2018

Alamat tetap :BLOK I, TINGKAT 5, NO'10,  
FLAT SRI PERANTAU ,  
42000, PELABUHAN KLANG,  
SELANGOR DARUL EHSAN.

Catatan: \*Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

\*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

## PENGAKUAN

Projek bertajuk '**Pengurusan Acara Kesenian dan Kebudayaan di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Selangor**' telah disediakan oleh **Nik Saiful Ameyrul Bin Nik Hanapi** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuh isyarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

\_\_\_\_\_  
(Profesor Madya Dr. Anna Durin)

Tarikh : \_\_\_\_\_

## **PENGHARAGAN**

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera, terlebih dahulu pengkaji amat beryukur ke hadrat Illahi yang telah memudahkan segala urusan pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Seterusnya pengkaji ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kedua Ibu Bapa pengkaji yang banyak membantu pengkaji dari segi sokongan, dorongan, nasihat dan wang ringgit dalam melaksanakan kajian ini. Tanpa dorongan mereka berkemungkinan pengkaji tidak mampu untuk meneruskan kajian ini.

Seterusnya ucapan jutaan terima kasih ditujukan kepada pensyarah merangkap penyelia penyelidikan saya iaitu Profesor. Madya Dr. Anna Durin kerana tidak jemu memberi tunjuk ajar kepada pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Beliau sering memberikan bimbingan dan nasihat kepada pengkaji agar menyiapkan kajian ini. Beliau juga seorang yang perihatin dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang penyelia. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan-rakan serta pihak yang terlibat di dalam menjayakan penyelidikan ini.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada barisan informan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Selangor yang banyak membantu pengkaji dengan memberikan maklumat dan informasi untuk menyiapkan tugas ini. Mereka juga tidak pernah mengeluh dengan kehadiran pengkaji malah pengkaji dilayan dengan begitu baik.

Akhir sekali pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada individu, organisasi dan persatuan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung kerana banyak membantu pengkaji dalam menyiapkan kajian mengenai 'Pengurusan Acara Kesenian dan Kebudayaan di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Selangor.

## ABSTRAK

Penyelidikan ini adalah berkaitan pengurusan acara kesenian dan kebudayaan di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Selangor. Kajian ini memberi penekanan kepada sistem pengurusan acara kesenian dan kebudayaan, di JKKN, Selangor, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan serta kaedah yang digunakan dalam mempromosikan acara kesenian dan kebudayaan kepada masyarakat. Selain itu, cabaran yang dihadapi oleh JKKN, Selangor dalam mengendalikan acara kesenian dan kebudayaan dan langkah mengatasi cabaran tersebut juga diberikan penekanan. Kaedah kajian yang digunakan adalah kualitatif. Hasil daripada dapatan kajian mendapati bahawa JKKN, Selangor mempunyai sistem pengurusan yang *effisien* dan *effective* dalam menjalankan acara kesenian dan kebudayaan.

## ISI KANDUNGAN

<i>Bil</i>	<i>Muka Surat</i>
<b>Penghargaan</b>	<b>i</b>
<b>Abstrak</b>	<b>ii</b>
<b>Isi Kandungan</b>	<b>iii</b>

### *Bab Satu*

1.1	Pengenalan.....	1
1.2	Latar Belakang Kajian.....	2-3
	1.2.1 Definisi dan Konsep Pengurusan Acara atau Majlis.....	3-4
	1.2.2 Definisi serta Konsep Kesenian dan Kebudayaan.....	4-8
1.3	Penyataan Masalah.....	9
1.4	Objektif Kajian.....	10
1.5	Kepentingan Kajian.....	11
1.6	Soalan Kajian.....	11
1.7	Skop Kajian... ..	11

## ***Bab Dua***

2.0	Sorotan Kesusasteraan dan Kerangka Kerja .....	12
2.1	Pengenalan.....	12
2.2	Kerangka Kajian.....	12
2.2.1	Konsep Pengurusan.....	12-14
2.2.2	Teori Pengurusan Frederick W. Taylor.....	15
2.2.3	Pengurusan Strategi.....	16
2.2.4	Pengurus dalam Memimpin dan Mengurus.....	16-17
2.2.5	Sembilan Tugas Kritikal.....	17
2.2.6	Pengurusan Acara Teater Mak Yong.....	18
2.2.7	Acara Bertujuan Mendidik dan Menghiburkan.....	18-19
2.2.8	Dua Perspektif Acara.....	19
2.2.9	Acara Istimewa dan Unik.....	19
2.2.10	Komunikasi Strategik Dalam Pengurusan Acara.....	20
2.2.11	Perkembangan Industri Pengurusan Acara.....	20
2.2.12	Perbezaan Pengurusan Acara dan Pengurusan Produksi.....	21
2.3	Sorotan Kesusasteraan.....	22
2.3.1	Sukan Komanwel.....	22
2.3.2	Perayaan Kebudayaan.....	22-23
2.3.3	Perayaan Rakyat Malaysia.....	23-24



2.3.4	Festival Kesenian Antarabangsa Kuala Lumpur.....	24
2.2.5	Festival Kraf Antarabangsa Kuala Lumpur.....	25
2.3.6	Festival Muzik Indie Kuala Lumpur 2012.....	25-26
2.3.7	Program Merakyatkan Seni Budaya.....	27
2.3.8	Festival Kesenian Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan Malaysia (MASAK)	27
2.3.9	The Rainforest World Music Festival.....	27
2.3.10	Festival Kuala Lumpur 2006 (Pertandingan Tarian Singa Antarabangsa Ke-7).....	28
2.3.11	Pesta Kalimantan.....	28
2.3.12	Pesta Kemaatan.....	29
2.3.13	Pesta Tanglung Petaling Jaya 2012.....	29-30
2.3.14	Pesta Kesenian Bali.....	30
2.3.15	Festival Makanan Tradisi Sabah.....	31
2.3.16	Persembahan Boria.....	31-32
2.3.17	Persembahan Wayang Kulit.....	32
2.3.18	Persembahan Dikir Barat.....	33
2.3.19	Persembahan Tarian.....	33-36
	i.    Tarian Asyik	
	ii.   Tarian Zapin	
	iii.  Tarian Joget Serampang Muda	
	iv.   Tarian Bharat Natyam	

## ***Bab Tiga***

3.0	Metodologi Kajian.....	37
3.1	Pengenalan.....	37
3.2	Kaedah Keperpustakaan.....	37
3.3	Keadah Pemerhatian.....	38
3.4	Kaedah Temu Bual.....	38
3.5	Keadah Dokumentasi.....	39
3.6	Kaedah Analsis Kajian.....	39
3.7	Kaedah Informan.....	40
3.8	Lokasi kajian.....	41
3.9	Rumusan.....	42

## ***Bab Empat***

4.0	Hasil Dapatan Kajian.....	43
4.1	Pengenalan.....	43
4.2	Sejarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Selangor.....	44-45
4.3	Fungsi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Selangor...	45-46
4.4	Sistem Pengurusan di JKKN, Selangor.....	47-48
4.4.1	Demografi.....	49
4.4.2	Politik dan Sosioekonomi.....	50
4.4.3	Kepadatan penduduk dan Kemudahan ( <i>Access</i> ).....	50-51
4.4.4	Agensi Kerajaan dan Swasta.....	51
4.5	Pengurusan Sumber Manusia.....	52-53
4.5.1	Carta Organisasi JKKN, Selangor.....	54
4.6	Pengurusan Kewangan.....	54-55
4.7	Pengurusan Acara Kesenian dan Kebudayaan.....	56-57
4.8	Jenis Acara Kesenian dan Kebudayaan.....	58
4.8.1	Festival Seni dan Budaya.....	58-63
4.8.2	Bimbingan Seni dan Budaya.....	64-65

4.8.3	Program Merakyatkan Seni dan Budaya.....	66-68
4.9	Kaedah Promosi yang Dijalankan oleh JKKN, Selangor.....	69
4.9.1	Media Massa.....	69-72
4.9.2	Bantuan Promosi daripada Kerajaan Negeri/Tempatan.....	72
4.9.3	Promosi Mulut ke mulut ( <i>Buzz Promotion</i> ).....	73
4.9.4	Kempen dan Pameran.....	73-74
4.10	Cabaran Mengendalikan Acara Kesenian dan Kebudayaan serta Langkah Mengatasinya.....	74
4.10.1	Kewangan.....	74-75
4.10.2	Sumber Manusia.....	76
4.10.3	Acara dan Pengisian Aktiviti.....	77-78
4.10.4	Promosi.....	79
4.11	Rumusan.....	80

## ***Bab Lima***

5.0	Kesimpulan dan Cadangan.....	81
5.1	Pengenalan.....	81
5.2	Kesimpulan.....	82-84
5.3	Cadangan.....	84-87
5.4	Penutup.....	88
	Lampiran A.....	89-90
	Lampiran B.....	91-94
	Lampiran C.....	95-106
	Rujukan	

## **BAB SATU**

### **PENGURUSAN ACARA KESENIAN DAN KEBUDAYAAN DI JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA SELANGOR**

#### **1.1 Pengenalan**

Dalam bahagian ini akan menerangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan kajian, di mana semasa kajian ini dijalankan oleh pengkaji. Perkara yang ingin dikaji adalah sistem pengurusan acara kebudayaan dan kesenian di JKKN, Selangor. Hal ini demikian kerana bagi mencari alternatif lain untuk melancarkan segala bagai acara atau aktiviti yang dijalankan di JKKN, Selangor. Selain itu, pengkaji juga ingin mengkaji kaedah yang digunakan dalam mempromosikan acara kesenian dan kebudayaan untuk menarik minat pengujung dikawasan setempat bagi bersama-sama memeriahkan acara kesenian dan kebudayaan yang akan dijalankan. Seterusnya, meneliti cabaran yang dihadapi dalam mengendalikan acara kesenian dan kebudayaan, hal ini bertujuan untuk pengkaji mengetahui masalah-masalah yang timbul disepanjang acara kesenian dan kebudayaan ini dijalankan. Tajuk yang dikaji oleh pengkaji adalah berkaitan dengan Pengurusan Acara Kesenian dan Kebudayaan di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, (JKKN), Selangor.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah ditubuhkan secara rasminya pada 15 Mac 2005 melalui Waran Perjawatan Bil. S/20 bertarikh 22 Mac 2005. Bagaimanapun kewujudan JKKN sebenarnya bermula pada tahun 1953 lagi di mana pada masa itu ianya merupakan satu bahagian di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat yang dipanggil Bahagian Hal Ehwal Kebudayaan. Fungsi bahagian ini pada masa itu adalah menyelaras hal ehwal kebudayaan bagi mengisi kegiatan belia.

Pada tahun 1964, Bahagian Hal Ehwal Kebudayaan ini diletakkan di bawah Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Pada tahun 1972 pula, ianya diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KBS) dengan gelaran bahagian bertukar menjadi Bahagian Kebudayaan.

Pada bulan Mei 1987, kerajaan menubuhkan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan iaitu hasil gabungan Bahagian Kebudayaan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan Pelancongan Malaysia, iaitu agensi di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Pada 22 Oktober 1990, Kementerian ini kemudiannya diberi nama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sejajar dengan kepentingan peranan serta fungsinya pada masa itu.

Pembentukan Kabinet baru oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 27 Mac 2004 telah meletakkan Bahagian Kebudayaan sebagai sebahagian daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKWA). Bermula pada tahun 2004 juga lah kertas cadangan penubuhan sebuah jabatan bagi kebudayaan telah diusahakan oleh Bahagian Kebudayaan untuk dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

Pada Mac tahun 2005, melalui Waran Perjawatan Bil. S/20, Bahagian Kebudayaan telah diluluskan untuk di naik taraf menjadi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN). Melalui Waran Perjawatan Bil. S40 yang bertarikh 1 Februari 2007 pula, pengwujudan satu lagi bahagian baru di JKKN iaitu Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan bagi membolehkan JKKN berfungsi dengan lebih baik dalam urusan perancangan dan penyelidikan seni dan budaya.

Pada 18 Mac 2008, JKKN dipindah naungan dan diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan Kesenian dan Warisan (KPKKW). Pada bulan April 2009, JKKN bernaung pula dibawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK). Selama empat tahun dibawah KPKK, pada 16 Mei 2013, JKKN berpindah lagi dan diletakkan semula di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sehingga sekarang.

### **1.2.1 Definisi serta Konsep Pengurusan Acara atau Majlis**

Pengurusan majlis atau acara bermaksud sesuatu aktiviti yang dirancang dengan cara sistematik oleh seorang individu atau beberapa orang individu tertentu, contohnya satu persembahan, karnival, majlis, seminar, pertunjukan atau pertandingan yang terbatas fungsinya dan diadakan bagi mencapai satu objektif yang berfaedah kepada individu tertentu atau masyarakat.

Pengurusan majlis atau acara juga melibatkan proses pembelajaran pengurusan, selok belok perniagaan, mengenalpasti kumpulan sasaran, merancang konsep acara atau majlis, perancangan logistik dan penyelarasan aspek teknikal sebelum acara atau majlis dijalankan. Suatu acara dan majlis yang dijalankan mempunyai matlamat dan objektif tertentu yang berfaedah kepada individu, kumpulan individu tertentu ataupun masyarakat.



Contohnya acara seperti karnival diadakan sebagai suatu acara yang mempunyai matlamat tersendiri seperti untuk melakukan analisis terhadap produk ditawarkan, mengenal pasti golongan sasaran, dan untuk memasarkan produk yang ditawarkan, ini kerana untuk menjamin pulangan pelaburan dan keuntungan yang telah dilaburkan.

### **1.2.2 Definisi serta Konsep Kesenian dan Kebudayaan**

Perkataan seni dapat ditakrifkan sebagai sesuatu yang halus iaitu kecil, elok, tipis dan halus, apabila didengar iaitu mengenai suara, comel bentuk badan (Kamus Dewan, 2005). Sesuatu yang dikatakan seni pula adalah suatu bentuk karya seperti pantun, ukiran, muzik dan lain-lain lagi yang dicipta dengan bakat yang tersendiri. Perkataan ‘seni’ jika ditambah dengan imbuhan ‘ke’ (awalan) dan ‘an’ (akhiran) membentuk perkataan ‘kesenian’ yang membawa pengertian yang lebih luas lagi iaitu perihal seni, yang berkaitan dengan keindahan dan ketelitian penciptaan sesebuah karya seni tersebut. Kesenian telah menjadi identiti dan amalan yang amat penting kepada kebudayaan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa sejak turun temurun lagi. Dengan kepelbagaian amalan kesenian dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini, identiti masyarakat Malaysia yang bersifat *multicultural* lebih terserlah dan dikenali ramai.

Seterusnya, takrifan kebudayaan pula yang berasal daripada bahasa Sanskrit, iaitu ‘*buddhayah*’ yang berasal daripada bentuk jamak dari ‘*buddhi*’ membawa maksud budi atau akal. Pengertian ini boleh diertikan sebagai hal-hal yang berkaitan dengan budi dan akal manusia. Dalam bahasa Inggeris, kebudayaan disebut ‘*culture*’ yang berasal daripada perkataan Latin ‘*colere*’, iaitu bermaksud mengolah atau mengerjakan. Pengertian ini bertolak daripada tradisi pekerjaan utama manusia yang berbentuk mengolah tanah atau bertani (kerja-kerja pertanian).

Namun, pengertian kebudayaan yang bersabit dengan tradisi akal dan budi manusia ini lebih menjurus kepada cara hidup sesuatu bangsa atau umatnya. Hal ini kita dapat memahami gaya hidup berbagai jenis manusia termasuklah diri kita sendiri, sosiologi seringkali menggunakan konsep budaya, yang merujuk kepada perkongsian bersama barangan, ilmu dan kepercayaan sebuah kumpulan manusia atau masyarakat. Konsep ini juga berkait rapat dengan bidang seni, sastera, dan muzik klasik serta merangkumi aspek-aspek kehidupan lain dalam masyarakat kita.

Kepelbagaian kebudayaan ini lebih merujuk kepada kepelbagaian adat dan budaya sesebuah masyarakat yang mempunyai pelbagai etnik dan kaum. Stavenhagen (1986) berpendapat kepelbagaian budaya merupakan rangkuman dari pelbagai aspek yang meliputi budaya, etnik, agama, amalan tradisi yang mengarah kepada kecenderungan dan memberi kefahaman di antara sesama kaum.

Kepelbagaian Budaya menurut Kymlicka (1999) pula adalah merujuk kepada kepelbagaian yang wujud dalam sesebuah masyarakat yang memberi tumpuan kepada: (1) memahami fenomena perubahan setiap masyarakat secara universal (perspektif universal), (2) mengkaji permasalahan dan konflik setiap etnik (perspektif etnik) dan (3) mengkaji cara bagaimana setiap etnik mengekspresikan budaya mereka (perspektif budaya).

Oleh sebab itu, setiap kaum mempunyai budaya yang tersendiri. Setiap budaya pula mempunyai keunikannya. kebudayaan adalah benda-benda yang diciptakan oleh manusia sebagai makhluk yang berbudaya, mempunyai perilaku dan benda-benda yang bersifat nyata, misalnya pola-pola perilaku, bahasa, peralatan hidup, organisasi sosial, religi, seni, dan lain-lain, yang kesemuanya ditujukan untuk membantu manusia dalam melangsungkan kehidupan bermasyarakat.

Bidang seni dan kebudayaan mempunyai tujuan tertentu, yang dapat memberikan auras positif kepada masyarakat. Sudah tentu kepentingan kedua-dua bidang ini memberi manfaat kepada masyarakat keseluruhannya. Sejak berzaman lagi, bidang seni dan kebudayaan ini telah memainkan peranan yang amat penting kepada masyarakat Malaysia. Selain menjadi simbol perpaduan dan sosialisasi, seni dan kebudayaan juga merupakan aktiviti kesenggangan dan rekreasi yang amat penting dalam kalangan masyarakat kita.

Di antara fungsi-fungsi bidang seni dan kebudayaan ini adalah sebagai aktiviti riadah masyarakat. Masyarakat kita memang gemar beriadah khususnya apabila ada waktu lapang. Bagi masyarakat yang tinggal di kampung, masa yang terluang mereka akan diisi dengan aktiviti-aktiviti riadah seperti tarian, silat, muzik dan sebagainya. Mereka mempelajari sesuatu tarian bukan sahaja untuk tujuan keriangannya sebaliknya mengisi masa lapang selain menjalin hubungan silaturrahim. Keadaan sebegini dapat mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan komuniti mereka yang berbilang kaum disesebuah kawasan kediaman.

Dari sudut kesihatan, aktiviti seumpama ini dapat memberi satu bentuk senaman dan latihan anggota badan agar menjadi sihat dan cergas. Bagi golongan lelaki, aktiviti bersilat juga aktiviti riadah yang baik mengasah mental, emosi serta fizikal mereka agar sihat sejahtera.

Bagi aktiviti seni dan kebudayaan yang berkait rapat dengan agama, seluruh penduduk dan masyarakat kampung terbabit dalam aktiviti berkenaan. Dari sudut agama, hukumnya adalah wajib. Aktiviti-aktiviti seperti nasyid, marhaban dan hadrah merupakan aktiviti kesenian Islam yang berkait rapat dengan amalan keagamaan. Melalui aktiviti kesenian sebegini, pemupukan amalan keagamaan dapat dilaksanakan secara berkesan serta memberi keinsafan sebagai seorang Islam. Hal ini dapat mendidik ahli masyarakat supaya akur dengan perintah agama dan mengerjakan perkara-perkara yang wajib dan sunat.

Hubungan masyarakat adalah amat penting, hal ini kerana proses sosialisasi yang membabitkan sebilangan besar masyarakat adalah perlu bagi memupuk semangat kerjasama dan perpaduan dalam kalangan mereka. Integrasi sosial ialah proses menyatupadukan berbagai-bagai kelompok dalam masyarakat melalui satu identiti bersama dengan menghapuskan perbezaan dan identiti masing-masing. Keadaan ini merupakan harapan bagi kebanyakan masyarakat, khasnya bagi masyarakat berbilang kaum (Ting, 1997).

Proses sosialisasi ini menggambarkan hubungan etnik sosial dalam masyarakat. Melalui aktiviti ini, perpaduan antara kaum serta sikap saling hormat menghormati dapat dibentuk sekaligus melahirkan masyarakat majmuk yang harmoni.

Dari segi pendidikan, bidang ini dapat memupuk bakat dan minat dalam jangka masa panjang supaya memiliki ciri insan yang memiliki seni dan budaya, mempunyai citarasa seni yang tinggi dan kreatif. Dalam konteks sebagai guru yang mengajar di sekolah, pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan kemahiran yang pelbagai serta mengintegrasikan unsur-unsur lain seperti teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pendidikan supaya menjadi lebih berkesan dan kreatif. Peranan sebagai seorang guru seni yang kreatif dan inovatif amat penting dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran terus berkesan dan relevan. Hal ini dapat menjadikan murid-murid lebih berkreativiti bagi melahirkan insan pelajar yang celik dalam bidang seni dan kebudayaan.

Sebagai ahli dalam masyarakat, aspek komunikasi yang berkesan amat penting. Proses penyampaian komunikasi yang baik dan berkesan dapat mencerminkan perspektif sosialisasi yang baik. Bidang seni dan kebudayaan ini sebagai media mendidik dan mengkritik yang lazim digunakan pada zaman dahulu dan berkesan sebagai media komunikasi. Aspek seni seperti wayang kulit, wayang orang dan seni teater, syair dan seumpamanya mempunyai pesanan atau mesej dalam bentuk komunikasi lisan dengan tujuan mendidik masyarakat. Oleh yang demikian, komunikasi adalah alat dan sumber kepada manusia untuk terus berhubung dengan orang lain. Tuan Yacob (1998), menyatakan komunikasi sebagai informatif, iaitu seseorang individu itu mengerti dan mengetahui, dan juga sebagai persuatif, iaitu agar seseorang individu itu bersedia menerima sesuatu perubahan atau keyakinan untuk melakukan sesuatu perbuatan atau kegiatan.

Seterusnya, aspek identiti. Identiti masyarakat merupakan medium seni dan kebudayaan dalam masyarakat Malaysia. Aktiviti seni dan kebudayaan telah membentuk suatu identiti bangsa Malaysia yang amat unik sekali. Identiti ini seterusnya menjadi pegangan dan amalan hidup seharian masyarakat di negara kita.

Keunikan identiti ini telah menjadikan masyarakat Malaysia sebagai salah sebuah masyarakat di dunia yang mempunyai kepelbagaian amalan dan aktiviti seni dan kebudayaan. Justeru, hal ini merupakan simbol keagungan negara di mata dunia sebagai sebuah negara multikultural yang disanjung tinggi serta dihormati.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Pengurusan acara kesenian dan kebudayaan yang dijalankan di JKKN, Selangor mempunyai strategi-strategi yang tertentu dan setiap daripada strategi ini adalah bertujuan bagi menjayakan sesebuah acara itu. Justeru itu, bagi mengendalikan acara-acara kesenian dan kebudayaan strategi hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan baik. Dalam menjayakan acara-acara kesenian dan kebudayaan juga terdapat cabaran-cabaran yang perlu dihadapi dan diselesaikan. Oleh itu, isu-isu kajian ini adalah sistem pengurusan acara kesenian dan kebudayaan di JKKN, Selangor, yang kedua adalah kaedah yang digunakan dalam mempromosikan acara kesenian dan kebudayaan dan yang terakhir adalah cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pengendalian acara kesenian dan kebudayaan serta langkah mengatasinya.

#### **1.4 Objektif Kajian**

1. Mengenalpasti sistem pengurusan acara kesenian dan kebudayaan di JKKN, Selangor. Sebagai contoh, sistem pengurusan yang digunakan semasa mengendalikan acara kesenian dan kebudayaan tersebut dan strategi yang digunakan.
2. Mengkaji kaedah yang digunakan dalam mempromosikan acara kesenian dan kebudayaan di JKKN, Selangor. Sebagai contoh, promosi melalui atas talian atau di media massa.
3. Meneliti cabaran yang dihadapi dalam mengendalikan acara kesenian dan kebudayaan tersebut dan langkah mengatasinya. Sebagai contoh, cabaran dari tiada sambutan daripada para pengujung dan cabaran daripada pesaing seperti organisasi seni yang lain.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Oleh sebab tiada kajian yang berkaitan pengurusan acara kesenian dan kebudayaan di JKKN, Selangor ini, maka pengkaji memilih tajuk berkenaan iaitu pengurusan acara kesenian dan kebudayaan di JKKN, Selangor dijadikan sebagai kajian. Tujuannya adalah untuk menyampaikan maklumat yang banyak dan sahih. Dengan terhasilnya kajian sebegini pengkaji berharap ianya dapat dijadikan bahan rujukan oleh masyarakat dan pengkaji, khususnya masyarakat ingin tahu selok-belok pengurusan yang dijalankan oleh JKKN, Selangor supaya menjadikan kajian ini sebagai bahan rujukan di masa akan datang.

## **1.6 Soalan Kajian**

1. Apakah sistem pengurusan acara kesenian dan kebudayaan yang digunakan di JKKN, Selangor
2. Adakah kaedah yang digunakan dalam dalam mempromosikan acara kesenian dan kebudayaan masih menggunakan teknik yang lapuk.
3. Bagaimanakah JKKN, Selangor menghadapi cabaran dan apakah langkah mengatasi cabaran yang dihadapi dalam pengendalian acara kesenian dan kebudayaan.

## **1.7 Skop Kajian**

Skop kajian ini akan menyentuh dan mengkaji tentang pengurusan acara kesenian dan kebudayaan di Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara, (JKKN) Selangor. Pengkaji juga akan mengenal pasti sistem pengurusan aktiviti yang digunakan di JKKN, Selangor. Hal ini demikian kerana setiap organisasi seni mempunyai strategi tersendiri dalam mengurus sesebuah acara atau aktiviti berkaitan seni dan budaya. Seterusnya kajian ini juga membincangkan kaedah yang dijalankan untuk mempromosi acara atau aktiviti kesenian dan kebudayaan itu sendiri. Skop kajian yang terkahir adalah menjalankan penelitian berkaitan cabaran yang dihadapi dalam mengendalikan acara dan langkah bagi mengatasinya